

Headline	<b>Penyelidik IPTA dapat skim insentif sukan</b>
Date	<b>21. Feb 2008</b>
Media Title	<b>Berita Harian</b>
Section	<b>Pendidikan</b>
Circulation	<b>217991</b>
Readership	<b>762968</b>
Language	<b>MALAY</b>
Page No	<b>27</b>
Article Size	<b>337 cm<sup>2</sup></b>
Frequency	<b>Daily</b>
Color	<b>Full Color</b>



# Penyelidik IPTA dapat skim insentif sukan

## Galak pensyarah jalankan kegiatan penyelidikan di universiti

Oleh Khairina Yasin

**S**EBELAS penyelidik institusi pengajian tinggi awam (IPTA) terpilih menerima Skim Insentif Penyelidikan Sukan sejak ia mula diperkenalkan Kementerian Pengajian Tinggi melalui Bahagian Sukan, tahun lalu.

Daripada jumlah itu, lima penyelidik dari Universiti Putra Malaysia (UPM), diikuti masing-masing dua Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT), masing-masing satu Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Setiausaha Bahagian Sukan, Kementerian Pengajian Tinggi, Dr Saharudin Ismail, berkata pemberian itu sebahagian insentif tambahan kementerian bagi menggalakkan pembabitan pensyarah dalam kegiatan penyelidikan berteraskan sukan.

Katanya, penyelidik terbabit menerima skim bernilai RM20,000 setiap satu bagi membayai penyelidikan itu di universiti masing-masing.

"Skim bertujuan menggalakkan penerokaan idea atau konsep serta

teori yang mampu menjadi pemanganan penemuan baru, perkembangan ilmu dan penciptaan yang inovatif serta terkini dalam bidang sukan.

"Kita menerima 36 permohonan dan pemilihan penyelidik dibuat berdasarkan kekuatan serta impak projek penyelidikan terbabit terhadap

pembangunan sukan di IPTA," katanya kepada *Berita Harian*, baru-baru ini.

Saharuddin berkata, pemilihan turut mengambil kira keaslian projek, selain maklum balas dan pandangan pihak lain termasuk Kementerian Belia dan Sukan serta Majlis Sukan Negara.

Katanya, lima penyelidik UPM yang menerima skim itu ialah Prof Madya Dr Aminuddin Yusof dengan penyelidikan *An Examination of Factors Influencing The Academic Achievement of University Student Athletes in Malaysia*.

Seterusnya Prof Madya Dr Muhammad Nazrul Hakim Abdullah (Zermbrace: A Potential Antiinflammatory For Treatment of Acute Muscular Sport Injury), Dr Kok Lian Yee (Pattern Recognition Ability in the Process of Judging Performance Among Malaysia Gymnastic Judges).

Dr Tengku Fadilah Tengku Kamaldien (Kesan Aktiviti Regangan Sistem Rossiter Terhadap Pemulihan Kesengalan Serat Delayed-Onset Muscle Soreness (DOMS) dan Dr Sadiq Amri (Anthropometric Correlates of Physical Performance Among

Student Athletes in Malaysian Universities).

Penyelidik UKM ialah Jady@Zaidi Hassim (Isu Kontrak dan Haka Seorang Atlit Profesional di Malaysia: Satu Kajian Sosio-Perundangan) dan Ahmad Rashdan Ismail (Biomechanics and Postural Analysis of Malaysian Footballer to Establish the Optimum Performance Techniques).

Katanya, dua penyelidikan UMT bertajuk *Strategi Persepsi Visual Dalam Melakukan Antisipasi Spatial Jenis Respons Daripada Teknik Servis Kuda dan Servis Sila dalam Sepak Takraw serta Membina dan Menguji Perisian Analisis Notasi Berkomputer Permainan Sepak Takraw*, masing-masing oleh Mohamad Razali Abdullah dan Ros' Haimi Mohd Yusof turut terpilih.

Dua lagi penyelidik yang layak katanya, Dr Mohamed Saat Ismail dan Kong Pei Chuen, masing-masing dari USM dan UMS menerusi penyelidikan bertajuk *Effects Of Exercise Prescriptions On High Cholesterol Level Subjects dan Measurement of Aerobic and Anaerobic Fitness Among Population Residing at High-Altitude and Sea-Level in West Coast Sabah*.

